

28 DEC 2000

Mahathir-Wanita

WANITA MEMBUKTIKAN MEREKA PENTADBIR YANG BAIK, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perlantikan wanita ke jawatan-jawatan tinggi dalam kerajaan dan masyarakat bukanlah soal jantina tetapi sebaliknya soal prestasi dan kelayakan.

"Saya tidak mempunyai pilihan lain. Mereka adalah calon terbaik. Mereka telah maju dan mempunyai kelayakan dan saya tidak melihat kenapa saya perlu menafikan mereka sedangkan tiada lelaki yang berkelayakan seperti mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai perlantikan beberapa orang wanita ke jawatan penting seperti Datuk Ainum Mohamed Saaid sebagai Peguam Negara dan Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara.

Semasa bercakap kepada BERNAMA dalam satu temuramah eksklusif di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya pada Selasa, Dr Mahathir berkata: "Kita perlu melantik seseorang itu berdasarkan kelayakan, bukan kerana seorang itu lelaki atau wanita."

Ainum dan Dr Zeti adalah wanita pertama di negara ini yang dilantik sebagai pegawai tertinggi kerajaan masing-masing di Jabatan Peguam Negara dan Bank Negara.

Antara wanita lain yang memegang jawatan tertinggi dalam kerajaan termasuk Datuk Heliliah Mohamed Yusof, yang menjawat jawatan peguamcara negara, Ketua Pengarah Arkib Negara Datuk Habibah Zon dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Shahar Banun Jaafar.

Pada 18 Dis, Dr Mahathir bila ditanya berkenaan perlantikan Ainum berkata: "Pada masa ini kerajaan sedang diambilalih oleh wanita. Kaum lelaki malas untuk belajar, mereka terlalu sibuk dengan demonstrasi, jadi kita tidak mempunyai calon yang cukup.

Bila ditanya semasa temuramah itu kenapa kaum lelaki sekarang malas, Perdana Menteri perkara ini berbalik kepada keadaan di universiti dengan hampir 60 peratus daripada penuntut, terutama sekali pelajar Melayu, adalah wanita.

Beliau berkata penuntut wanita mengambil jurusan yang penting seperti kejuruteraan, sains dan pengurusan manakala pelajar lelaki mengambil kursus yang mereka fikir lebih mudah untuk lulus seperti Bahasa Malaysia, Pengajian Islam dan Sains Sosial.

Dr Mahathir berkata adalah susah untuk melantik penuntut-penuntut lelaki ini dalam perkhidmatan kerajaan apabila mereka keluar universiti kerana mereka tidak mempunyai kapasiti untuk mengendalikan perkara-perkara berkenaan pentadbiran.

Beliau berkata pelajar wanita pula keluar universiti sebagai peguam, doktor, jurutera dan saintis.

"Mereka perlu membuktikan yang mereka boleh menyumbangkan," kata beliau.

-- BERNAMA

ES ES PR